



Pasaran import makanan terbuka akan tingkatkan kecekapan ekonomi Malaysia - Ahli ekonomi

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Langkah untuk mempunyai pasaran import makanan terbuka dan bebas akan meningkatkan kecekapan ekonomi negara, kata pakar ekonomi.

Profesor Ekonomi di Universiti Sunway, Prof Dr Yeah Kim Leng berkata ia akan menggalakkan persaingan import dan pengembangan perniagaan yang akan menghasilkan kos yang lebih rendah untuk pengguna serta menyediakan lebih banyak pilihan untuk rakyat.

"Saya yakin ia akan meningkatkan daya tarikan persekitaran pelaburan negara," katanya kepada Bernama hari ini.

Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata Malaysia amat bergantung kepada import produk makanan untuk kegunaan tempatan, justeru sebarang bentuk liberalisasi yang memudahkan perdagangan bahan makanan adalah sangat dialu-alukan terutamanya jika langkah itu akan membuka peluang perniagaan untuk usahawan tempatan.

"Walaupun kami berhasrat untuk berdikari sepenuhnya dalam hal keselamatan makanan, ia akan mengambil sedikit masa untuk menjadi kenyataan.

"Bagi pendapat saya, sebarang langkah yang boleh memudahkan perolehan makanan dengan cara yang paling cepak dan berkesan sangat dialu-alukan," katanya.

Mohd Afzanizam berkata imbalan perdagangan untuk agromakanan telah berada dalam aliran defisit.

Tahun lepas, defisit sebanyak RM25 bilion direkodkan kerana import agromakanan Malaysia berjumlah RM64 bilion berbanding eksport RM39 bilion.

Menurut **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**, import makanan terkumpul berjumlah RM482.8 bilion untuk tempoh 10 tahun lepas manakala eksport berjumlah RM296 bilion.

Dalam memenuhi keperluan dan permintaan pengguna di Malaysia, ia berkata produk makanan mesti diimport dari seluruh dunia terutamanya bawang, produk tenusu, kopi, tepung gandum, teh, bawang merah, kentang dan minyak masak.

Berdasarkan Laporan Tinjauan Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia 2019, item ini mewakili 14.1 peratus daripada item yang kerap dibelanjakan oleh isi rumah.

Ia berkata Malaysia juga sangat bergantung kepada import daging kambing, mangga, kelapa dan daging lembu untuk memenuhi permintaan domestik.

Laporan itu berkata lebih 70 peratus daging kambing yang diimport adalah dari Australia manakala mangga, kelapa dan daging lembu kebanyakannya diimport dari Thailand, Indonesia dan India.

Sementara itu, DOSM berkata sumber protein lain yang banyak digunakan oleh isi rumah Malaysia khususnya ayam, daging dan ikan dan makanan laut, walaupun mudah diperolehi ia terus menyaksikan kenaikan harga.

Ia berkata pada 2020, harga ikan kembung ialah RM14.78 sekilogram (kg) berbanding RM14.71 sekilogram pada 2019 dan daging tempatan ialah RM32.19 sekilogram daripada RM31.99 sekilogram pada 2019 manakala harga telur merosot kepada RM3.58 bagi setiap 10 biji telur pada 2020 berbanding RM3.97 untuk setiap 10 biji telur pada 2019.

Hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan bahawa kerajaan telah bersetuju untuk memansuhkan keperluan permit import (AP) terhadap bahan makanan berkuat kuasa serta-merta.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat Kabinet yang dipengerusikannya hari ini bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

Dengan pemansuhan keperluan berkenaan, perdana menteri berkata sesiapa sahaja boleh mengimport makanan ke negara ini sebagai antara usaha menangani isu keselamatan makanan.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengumumkan secara terperinci mengenainya, katanya.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2082245>